

TERMA & SYARAT PERTANDINGAN AQUACULTURE ASPIRE 2025

1. Pertandingan “Aquaculture Aspire”(“Pertandingan”) ini dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad No. Pendaftaran: 200801010533 (811810-U)(“Agrobank / Penganjur”).
2. Pertandingan ini bermula dari **12 Mei 2025 sehingga 30 September 2025** (“Tempoh Pertandingan”).
3. Pertandingan ini terbuka kepada 10 buah sekolah yang dipilih oleh Agrobank dan persetujuan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
4. Syarat -syarat penyertaan adalah seperti berikut:
 - Hanya aktiviti akuakultur penternakan ikan tilapia secara sistem bioflok.
 - Kolam yang di-sumbang oleh Agrobank di dalam kawasan perkarangan sekolah.
 - Penyertaan perlu dihantar pada tarikh yang telah ditetapkan.
 - Melengkapkan laporan dan sistem rekod dalam pengurusan penternakan.
 - Keputusan Pertandingan adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan diterima dan dilayan.
5. Pihak Penganjur berhak untuk meminda mekanisma Pertandingan, menyahlayak mana-mana peserta, menarik balik, memanjangkan atau menamatkan Pertandingan ini pada bila-bila masa atas budi bicara Penganjur tunggal dan mutlaknya tanpa memberikan notis awal.
6. Penentuan pemenang setiap kategori dinilai mengikut kriteria yang dinyatakan di bawah. Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah markah tertinggi bagi penilaian juri profesional dan undian dalam platform media sosial ( facebook) yang akan dilaksanakan oleh pihak urusetia.
 - Penilaian **90% oleh juri profesional** mengikut kriteria berikut:
 - i. Kecekapan penggunaan sistem bioflok dan mengekalkan kualiti air dengan baik.
 - ii. Kadar pertumbuhan ikan mengikut saiz dan berat. Tiada penyakit atau kematian yang tinggi.
 - iii. Kecekapan pengurusan kos operasi (penggunaan sumber air, makanan dan tenaga) serta potensi keuntungan dan daya saing dalam pasaran.
 - iv. Mempunyai inovasi dalam pelaksanaan sistem ternakan.
 - v. Kualiti laporan dan pembentangan
 - Penilaian **10% daripada undian media sosial** ( facebook) mengikut kriteria berikut:
 - i) Jumlah terbanyak bagi “Likes & Share” pada paparan gambar/video penternakan peserta di social media sekolah. Setiap paparan harus diletakkan hashtag #aquacultureaspireagrobank tag @Agrobank. Kapsyen mesti ditulis sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu sahaja.
7. Setiap peserta layak memenangi satu hadiah sahaja bagi setiap kategori. Walau bagaimanapun, peserta layak untuk memenangi lebih daripada satu (1) hadiah. Sebarang aduan dan rayuan tidak akan diterima dilayan.

8. Hadiah pemenang tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukarkan atau ditebus oleh mana-mana pihak selain pemenang dalam bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur.
9. Penyertaan paparan di media sosial mestilah sesuai untuk disiarkan di platform awam. Kandungan lucah, provokatif, berkaitan politik, menyinggung perasaan atau dipersoalkan tidak akan diterima. Agrobank berhak mengikut budi bicara mutlaknya menolak sebarang penyertaan yang tidak sesuai dan melanggar Terma dan Syarat Pertandingan.
10. Dengan menyertai Pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk penyertaan mereka yang dihantar dipaparkan untuk sebarang tujuan sekarang atau pada masa hadapan tanpa notis awal di mana-mana platform elektronik dan bukan elektronik Agrobank tanpa sebarang bayaran atau lain-lain bentuk pampasan, dan bersetuju bahawa Agrobank boleh membuat dan menyimpan semua maklumat periklanan peserta termasuk, tanpa had gambar atau imej kolam untuk tujuan arkib. Gambar tersebut akan dikreditkan kepada peserta mengikut penyertaan yang dihantar. Penyertaan (termasuk penyertaan bukan pemenang) boleh dipilih untuk dipamerkan atau digunakan dalam platform Agrobank lain, tanpa sebarang notis yang perlu diberikan kepada peserta.
11. Penganjur berhak membawa pengunjung mengunjungi kolam sistem bioflok pemenang bagi tujuan promosi sepanjang tempoh setahun bermula daripada 1 Ogos 2025.
12. Agrobank berhak untuk melanjutkan mana-mana tarikh, menukar, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat Pertandingan yang terkandung di sini pada bila-bila masa, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan cara yang dianggap sesuai oleh Agrobank tanpa notis terlebih dahulu kepada peserta dan keputusan akan berdasarkan budi bicara mutlak Agrobank.
13. Agrobank berhak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Pertandingan ini tanpa notis terlebih dahulu sekiranya Pertandingan tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas apa sebab jua.
14. Agrobank berhak untuk membatalkan sebarang penyerahan yang Agrobank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ia bukan laporan asli atau tidak memenuhi Terma dan Syarat Pertandingan. Jika pemenang hilang kelayakan atau ditentukan untuk tidak layak, pemenang seterusnya akan dipilih menggunakan proses/kriteria penghakiman yang sama yang dinyatakan di atas.
15. Dengan menyertai Pertandingan, peserta bersetuju untuk membebaskan Agrobank dan pekerjaannya daripada sebarang dan / atau semua kerosakan, kecederaan, tuntutan, punca tindakan, atau kerugian dalam apa jua bentuk akibat daripada penyertaannya dalam Pertandingan, termasuk pelanggaran hak harta intelek. Agrobank dan pekerjaannya tidak bertanggungjawab atau mempunyai liabiliti untuk sebarang kerosakan, kecederaan, tuntutan, punca tindakan, sebarang kerugian yang timbul secara keseluruhan atau sebahagian daripada Pertandingan. Setiap peserta berjanji bahawa dia tidak akan membawa sebarang tuntutan, tindakan atau prosiding terhadap Agrobank, berkaitan dengan Pertandingan ini sama ada dalam kontrak, tort dan seumpamanya.

16. Pertandingan akan dinilai secara profesional oleh juri dari industri akuakultur, pendidikan dan juga dari Agrobank.
17. Pemenang akan dipilih berdasarkan merit penilaian dan mematuhi Terma & Syarat. Keputusan Pertandingan adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyerut tidak akan dilayan dalam hal ini.
18. Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi melalui e-mail oleh wakil Pejabat Wilayah Agrobank, dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu selepas Tempoh Pertandingan. Jika pemenang tidak dapat dihubungi selepas 48 jam selepas percubaan pertama, Agrobank berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menentukan pemenang lain (mengikut kesesuaian) atau mengisytiharkan hadiah yang dimenangi dibatalkan.
19. Pemenang tidak mempunyai hak untuk memilih hadiah (atau mana-mana bahagian daripadanya), yang mana adalah tertakluk kepada budi bicara Agrobank. Walau apa pun terma lain dalam Terma dan Syarat ini, Agrobank berhak menawarkan hadiah ganti dan pemenang perlu menerimanya tanpa syarat.
20. Dengan menyertai Pertandingan, setiap peserta bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi peserta (tanpa pampasan kepada peserta) untuk semua tujuan yang berkaitan dengan Pertandingan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) memproses dan mentadbir penyertaan, (ii) berkomunikasi dengan dan memberikan hadiah kepada pemenang, (iii) mengeluarkan publisiti dan pengumuman mengenai pemenang, dan (iv) mengiklankan, mempromosi dan menghebahkan Pertandingan ini. Sebarang penyertaan atau permintaan yang dibuat oleh peserta yang ingin mengehendakan perkara di atas akan menyebabkan peserta hilang kelayakan secara automatik.

HADIAH

Kategori	Hadiah Wang Tunai (RM)	Lain-Lain
Pemenang Utama	3,000.00	Trofi, Sijil & Barangan Eksklusif Agrobank
Naib Johan	2,000.00	Trofi, Sijil & Barangan Eksklusif Agrobank
Tempat Ketiga	1,000.00	Trofi, Sijil & Barangan Eksklusif Agrobank
Pemenang Setiap Kategori (inovasi & usahawan jaya)	500.00	Trofi, Sijil & Barangan Eksklusif Agrobank
Saguhati	200.00	Trofi, Sijil & Barangan Eksklusif Agrobank

10 BUAH SEKOLAH YANG TERPILIH

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup, Pontian, Johor
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perpatih, Gemas, Negeri Sembilan
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Nyalas, Melaka
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor
5. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan, Pahang
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Meranti, Kelantan
7. Sekolah Menengah Kebangsaan Renek, Jerneh, Terengganu
8. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok, Kedah
9. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak
10. Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Ahmad, Kangar, Perlis